

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	9/4/2013

7 ciri-ciri aku janji terbaik

UM-9/4/2013

Oleh ROHAMI SHAFIE

DEMAM Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) sudah bermula. Barisan Nasional (BN) dan pakatan pembangkang sudah mengumumkan manifesto masing-masing. Bagi BN, istilah aku janji Rakyat Didahulukan lebih sesuai digunakan kerana ia menunjukkan ikrar BN untuk menepati segala intipati yang diumumkan demi menunaikan harapan rakyat.

Tidak kiralah apa pun istilah, yang penting pengumuman yang dibuat oleh BN mahupun pakatan pembangkang adalah perkara yang perlu ditunaikan dan bukannya sekadar umpan untuk memikat hati pengundi mengundi mereka.

Bagi membezakan di antara aku janji BN dan manifesto pakatan pembangkang, terdapat tujuh ciri-ciri yang mana pengundi perlu mengenal pasti terlebih dahulu sebelum mengatakan bahawa aku janji inilah yang terbaik untuk rakyat.

Ciri pertama adalah aku janji tersebut mestilah adil dan saksama. Tidak boleh hanya menjurus kepada satu-satu pihak. Umpamanya, hanya tertumpu kepada generasi muda dengan intipati harapan untuk mereka sahaja sedangkan terdapat pelbagai golongan pengundi iaitu, generasi lama yang lebih memikirkan masa hadapan anak cucu cicit mereka. Negara ini bukan dihuni oleh satu golongan sahaja, maka aku janji yang berat sebelah hanya mengundang masalah kepada golongan lain.

Kedua, menyeluruh dalam semua segi. Ini bermaksud meliputi semua bidang termasuklah politik, keselamatan, sosial dan pendidikan serta paling utama adalah ekonomi. Intipati aku janji yang hanya mementingkan sesuatu bidang sahaja umpamanya ekonomi tidak mampu memberi kesejahteraan kepada rakyat.



NAJIB Tun Razak berucap sambil menunjukkan manifesto pada Perhimpunan Janji Malaysia Rakyat Didahulukan sempena Pelancaran Manifesto Barisan Nasional 2013 di Stadium Putra Bukit Jalil, Kuala Lumpur, Sabtu lalu.

Sebagai contoh, apalah gunanya ekonomi maju tetapi jenayah berlaku dengan berleluasa. Jadi, aku janji yang menyeluruh, holistik atau komprehensif adalah antara ciri utama aku janji terbaik.

Ketiga, realistik dan bukan populis. Sekadar untuk menjadi populis, umpamalah segala-galanya 'percuma'. Namun, realistiklah segala-galanya diberi percuma?

Dalam dunia ini tidak semuanya percuma kecuali nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT seperti nikmat bernafas dengan udara yang segar, nikmat melihat dan mendengar yang tidak perlu dibayar dengan

wang ringgit. Tetapi bagi hal-hal lain, kebanyakannya mempunyai nilai yang perlu dibayar.

Keempat, kemampuan. Ciri ini selalunya tidak diambil berat oleh segelintir ahli politik. Sesebuah negara pastinya terhad sumber-sumber kekayaan. Hanya pengagihan sumber dengan adil dan saksama sahaja memberi manfaat kepada semua.

Malangnya, intipati manifesto yang berlagak seolah-olah mampu untuk semua segi menggambarkan tiadanya perancangan yang jitu. Ia umpama biar papa asal bergaya. Tidak mengapalah jika bergaya sampai ke anak cucu

cicit tanpa masalah kewangan, malangnya belum sampai ke generasi anak pun, negara sudah punah dilanda kemufilsan, jadi siapakah yang akan bertanggungjawab ke atas kemusnahan negara?

Kemampuan ini perlu seiring dengan tanggungjawab membentangkan aku janji dengan mengambil kira perancangan rapi dan terperinci untuk memakmurkan negara.

Kelima, menepati segala intipati manifesto dan bukanlah sekadar retorik. Hanya indah untuk didengar tetapi pahit untuk ditelan.

Usah sekadar lembut lidah menjelang PRU-13 tetapi disimpan dengan rapi tanpa melakukan sebarang tindakan selepas PRU-13. Lebih malang lagi, apabila tidak langsung menunaikan intipati manifesto tersebut.

Dengan kata lain, pengundi diperdayakan oleh segelintir ahli politik yang tamakkan kuasa. Tiada langsung rasa untuk melaksanakan segala amanah yang diberikan oleh pengundi kepada mereka. Sedangkan melaksanakan amanah dengan baik adalah kunci utama pemimpin yang terbaik.

Keenam, pengalaman melaksanakan aku janji. Bagi parti yang telah berpengalaman melaksanakan aku janji dengan baik, pengalaman ini akan digunakan pada masa akan datang. Bagi yang tiada pengalaman, mereka tidak mempunyai kemahiran tinggi dalam melaksanakan aku janji.

Sebenarnya, menunaikan aku janji bukan sekadar menepati janji tetapi juga perlu adanya kemahiran tinggi dalam melaksanakannya. Ini kerana setiap satu intipati aku janji mempunyai objektif masing-masing untuk dicapai, maka jika setiap daripada objektif tersebut dilaksanakan oleh golongan yang tidak mempunyai kemahiran tinggi kerana pengalaman cetek, mana mungkin ia dapat dilaksanakan dengan baik.

Ketujuh dan yang terakhirnya ialah pres-

tasi semasa sesebuah kerajaan. Pada PRU-13 ini, pengundi boleh menilai prestasi semasa parti BN yang memerintah Kerajaan Persekutuan, manakala pakatan pembangkang pula telah diberi peluang selepas PRU-12 menunjukkan kebolehan mereka memerintah untuk beberapa negeri, iaitu Selangor, Kelantan, Kedah dan Pulau Pinang.

Mana satukah yang mempunyai prestasi yang lebih baik? Sebagai contoh, jika kerajaan BN telah berjaya mencapai sasaran pertumbuhan ekonomi melebihi lima peratus, adakah negeri-negeri yang diperintah oleh pakatan pembangkang telah mengatasi pertumbuhan ekonomi yang berjaya dicatatkan oleh BN?

Selain itu, adakah pakatan pembangkang telah berjaya mengatasi pelbagai masalah rakyat selepas diberi peluang memerintah beberapa negeri?

Jika jawapannya adalah ya, sudah tentu pengundi berasakan prestasi pakatan pembangkang adalah lebih baik daripada BN. Tetapi jika pengundi berasakan tidak, ini bermakna peluang yang diberikan telah disia-siakan oleh pakatan pembangkang.

Bagi pengundi, prestasi semasa menggambarkan sejauh manakah sesuatu parti dapat melaksanakan aku janji dengan jayanya. Jika semuanya memuaskan, untuk segenap lapisan rakyat terutamanya rakyat berpendapatan rendah dan sederhana, maka pengundi tidak teragak-agak untuk memilih parti tersebut.

Justeru, tujuh ciri-ciri aku janji terbaik di atas boleh membantu pengundi membuat keputusan tepat semasa hari pengundian nanti.

PENULIS ialah Pensyarah Kanan Perakaunan dan Kewangan, Pusat Pengajian Perakaunan Dan Felo Penyelidik Institut Keusahawanan dan Koperasi, Universiti Utara Malaysia.